



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,
Jalan Basco Keping 1,
Basco Avenue@Keping,
31400 Ipoh, Perak



No Tel : 605 - 246 2100
Laman Web: <http://perak.anm.gov.my>

Ruj. Kami : JANM.PRK.600-11/1/1 (42)
Tarikh : 24 Julai 2026

Semua Ketua Jabatan / Ketua Pusat Tanggungjawab,

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**SURAT PERKESO BERKAITAN DENGAN SKIM KEMALANGAN BUKAN BENCANA
KERJA (SKBBK) ATAU "LINDUNG 24 JAM" MULAI JUN 2026**

Dengan hormatnya merujuk kepada surat PERKESO rujukan PERKESO.6-2/2/3 JLD.3(15) bertarikh 21 Julai 2026 berhubung dengan perkara di atas.

2. Seperti mana yang Pusat Tanggungjawab (PTJ) sedia maklum, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 bagi perluasan perlindungan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) atau LINDUNG 24 Jam secara mandatori telah diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan mula berkuat kuasa mulai 1 Jun 2026. Walau bagaimanapun selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 8 Julai 2026, pelaksanaan skim tersebut adalah secara sukarela bagi pekerja tempatan manakala penyertaan pekerja asing kekal secara mandatori berkuat kuasa serta-merta.
3. Oleh itu, **pekerja tempatan yang tidak memilih untuk menyertai skim ini, hendaklah melengkapkan Notis Pilihan Tidak Menyertai (*Option Out*) melalui Portal Lindung Faedah di pautan <https://lindungfaedah.perkeso.gov.my> selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2026** bagi membolehkan penyelarasan rekod dan potongan caruman PERKESO dilaksanakan.
4. **Bagi pekerja yang tidak mengisi deklarasi atau perakuan melepaskan liabiliti pekerja tersebut secara automatik dianggap menyertai Skim LINDUNG 24 jam** selaras dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2026 yang diluluskan oleh Parlimen dan berkuat kuasa 1 Jun 2026 di mana semua pekerja dilindungi secara mandatori.
5. Justeru, **PTJ perlu memaklumkan kepada pegawai yang terlibat untuk mengambil tindakan sewajarnya jika pegawai tidak memilih (*Option Out*)** untuk menyertai skim ini. Sesalanan **Notis Pelepasan Liabiliti Skim Lindung 24 Jam** perlu dikemukakan kepada Unit Pentadbiran/Unit Kewangan atau unit lain yang terlibat. PTJ juga perlu membuat perubahan gaji di IT0197(Employees' Social Security) dalam Sistem HCM (*payroll*).

6. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBr. Dr./ Tuan/ Puan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM), JANM memaklumkan sedang dalam tindakan pembangunan sistem iGFMAS bagi mengambil kira *Option Out* skim Lindung 24 Jam PERKESO ini dan sebarang perubahan proses kerja di iGFMAS akan dimaklumkan setelah pembangunan sistem selesai.

7. Bersama ini disertakan surat dan FAQ berkaitan caruman skim ini yang dikeluarkan PERKESO dan Pekeliling Majikan Bilangan 2 Tahun 2026 berkaitan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4]: Perluasan Perlindungan Skim LINDUNG 24 Jam, Warta Kerajaan Persekutuan P.U. (B) 196/2026 serta Soalan Lazim (FAQ) berkaitan ketetapan terkini pelaksanaan skim ini sebagai rujukan dan tindakan pihak PTJ selanjutnya.

8. Sebarang urusan oleh pegawai yang memilih *Option Out* dan proses *refund* hendaklah dirujuk dengan pihak PERKESO. PTJ boleh berhubung dengan Cik Jazlina Binti Alias (Ketua Bahagian Caruman dan Penguatkuasaan) melalui emel jazlina.alias@perkeso.gov.my atau di talian 012-6045984.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULKHAIRY BIN IBRAHIM C.A.(M), CA(Aust))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak